



# SUCIKAN HATI DENGAN ZAKAT DAN INFÀQ

PENDIDIKAN BERLANDASKAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

*“Tidak akan berkurang harta hambaNya yang bersedekah”*  
*(Hadis Riwayat : Bukhari & Muslim)*

# SEJARAH PENUBUHAN

Perancangan penubuhan sekolah ini bermula pada 2 Oktober 1999 di mana nama Dar Al-Hikmah telah dipersetujui sebulat suara oleh anggota Jemaah sekolah ketika itu. Maahad Tahfiz Integrasi Dar Al-Hikmah (MTI DH) secara rasmi berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada Jun 2010 dengan nombor Perakuan Pendaftaran: 13S (3) 9/17.

Pada peringkat awal penubuhannya, jumlah pelajar adalah seramai 32 orang, namun kemudian 6 bulan selepasnya meningkat sehingga 43 orang dengan berbekalkan 5 orang tenaga akademik sepenuh masa dan 3 orang separuh masa.

Sehingga tahun 2022, jumlah murid yang berdaftar adalah seramai 109 di mana termasuk dari golongan anak-anak asnaf dan anak-anak yatim. Bilangan tenaga pengajar yang berkelayakan juga semakin ramai bagi memenuhi keperluan pelajar yang semakin bertambah. Semua guru-guru adalah siswazah dan diberikan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan tahap profesionalisme dari semasa ke semasa.

Selain Memberi penekanan dan keutamaan kepada Program Al-Quran, Tahfiz dan diniyyah, subjek akademik juga turut dititiberatkan. Para pelajar yang mengikuti pengajian di Maahad Tahfiz Integrasi Dar Al-Hikmah (MTI DH) turut disediakan dengan aktiviti ko-kurikulum bagi membentuk pelajar yang lebih seimbang dan memenuhi keperluan apabila berdepan dengan masyarakat kelak.



# BADAN PENGURUSAN



**USTAZ AHMAD HASYIMI B. CHE PA**  
RAIS



**USTAZAH NIK NURIRDINA  
BT. MOHD ADNAN**  
RAISAH



**TUAN SYED HARRIS IRSYAD B.  
SYED HASSAN NAZARI**  
MUSYRIF



**USTAZ MOHD FADLI B. MOHD NOR**  
MUDIR MTI DH - SEKOLAH MENENGAH



**PUAN FARAH AFZAN BT. FARIDI**  
MUDIRAH MTI DH - SEKOLAH RENDAH



**CIK RUZANNA BT MOHD ROZLAN**  
MUDIRAH MTI DH - TADIKA

# **MAAHAD TAHFIZ INTEGRASI DAR AL-HIKMAH SEBAGAI AMIL ZAKAT**

Maahad Tahfiz Integrasi Dar AL-Hikmah telah dilantik sebagai Penolong Amil Bertauliah bagi Lembaga Zakat Selangor bermula pada bulan November 2018 dengan kod agent: 1341 bagi urusan pengutipan zakat syarikat dan individu. Hasil dari kutipan zakat oleh penolong Amil bagi pihak Lembaga Zakat Selangor akan diberikan kepada sekolah sebanyak 50% untuk tujuan agihan. Di mana jumlah tersebut akan digunakan untuk menampung perbelanjaan pentadbiran sekolah serta bagi membantu para pelajar yang terdiri dari golongan yatim dan asnaf di kalangan warga MTI DH.

## **PENOLONG AMIL BERTAULIAH**



**USTAZ MOHD FADLI B. MOHD NOR  
PENOLONG AMIL (1)**



**USTAZ AHMAD B. SALLEH  
PENOLONG AMIL (2)**



**USTAZ AHMAD HAFIZ B. OSMAN  
PENOLONG AMIL (3)**

**BERIKUT ADALAH  
JENIS-JENIS ZAKAT  
YANG DIGARISKAN OLEH  
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

# ZAKAT FITRAH

Zakat Fitrah adalah zakat yang **DIWAJIBKAN** ke atas setiap individu lelaki dan perempuan Muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang tertentu dan dibayar pada **BULAN RAMADAN** sehingga pagi

1 Syawal sebelum melaksanakan  
Solat Sunat Aidil Fitri.



# ZAKAT PENDAPATAN

Harta pendapatan bermaksud semua jenis upah, imbuhan, bayaran atau hasil yang diperolehi daripada kerja atau usaha yang dilakukan sama ada secara tetap atau sekali sahaja.



# ZAKAT PERNIAGAAN

Zakat yang ditunaikan atas keuntungan bersih perniagaan per tahun pada kadar 2.5%.

# ZAKAT HARTA

Zakat yang ditunaikan atas harta per tahun pada kadar 2.5%.



# ZAKAT TERNAKAN

Zakat yang ditunaikan atas hasil ternakan per tahun.

# ZAKAT PADI

Zakat yang ditunaikan atas hasil bersih padi per tahun pada kadar 5%.



# ZAKAT EMAS

Timbangan emas x harga semasa x 2.5% = Jumlah Zakat.

# ZAKAT PERAK

Bagi logam perak, samada dipakai sebagai barang perhiasan ataupun tidak (disimpan sebagai perhiasan di rumah), maka pengiraannya adalah berdasarkan nilai barang perak tersebut. Nisab bagi perak adalah sebanyak 595 gram atau lebih

- a. Zakat yang ditunaikan atas perak per tahun pada kadar 2.5%.
- b. Berat perak secara menyeluruh perlu melebihi 595g sebelum dizakatkan.



# ZAKAT SIMPANAN

Zakat yang ditunaikan atas simpanan per tahun pada kadar 2.5%.

# **ZAKAT KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

Wang KWSP ialah wang daripada pendapatan seseorang hasil daripada pekerjaannya yang disimpan di dalam akaun simpanan pekerja kerana tertakluk di bawah akta KWSP. KWSP dikenakan zakat kerana konsepnya sama seperti wang simpanan, cuma perbezaannya simpanan di KWSP tidak boleh dikeluarkan sewenang-wenangnya seperti akaun simpanan biasa.



## **ZAKAT SAHAM**

Nilai zakat yang diwajibkan adalah 2.5% daripada nilai pelaburan di hujung Haul. Bagi pelaburan yang diniagakan, jumlah keuntungan yang ditunaikan sepanjang tahun hendaklah dicampurkan.

# ZAKAT QADHA

Qada zakat bermaksud, melaksanakan zakat yang wajib ditunaikan pada masa lalu, namun gagal ditunaikan oleh kerana lupa, sengaja atau meninggalkanya dengan apa-apa alasan sehingga berlalu haulnya (setahun), maka ia wajib ditunaikan dengan kadar segera.



Allah SWT berfirman:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَعِّفَهُ لَهُ أَضْعَافًا  
كَثِيرَةٌ وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

٢٤٥

“Barangsiapa meminjami Allah dengan pinjaman yang baik maka Allah melipat gandakan ganti kepadanya dengan banyak. Allah menahan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan.”

(Al-Baqarah:245)

# **BAYAR ZAKAT MELALUI MTI DAR AL-HIKMAH UNTUK TUJUAN**

## **Bayaran Yuran Pelajar Golongan Yatim dan Asnaf**

Pembentangan yuran kepada golongan yang memerlukan agar mereka mendapat hak dan peluang Pendidikan dunia dan akhirat yang lebih berkualiti.

- Bantuan yuran persekolahan anak-anak yatim dan asnaf.
- Bantuan keperluan dan peralatan pembelajaran seperti buku-buku.

## **Ta'lim Al-Quran**

Menyumbang kepada pendidikan ilmu Al-Quran dan Hadis dengan penuh penghayatan agar dapat melahirkan generasi Al-Quran dari kalangan mereka yang kurang berkemampuan.

- Program pengajian Al-Quran bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan juga masyarakat setempat dan luar.

## **Bantuan Makanan Bulanan**

Menyumbang kepada penyediaan makanan halalan toyyiban yang berkualiti dan bernutrisi tinggi kepada para pelajar tahliz, murabbi dan semua kakitangan yang terlibat dalam menyumbang tenaga kepada kemajuan proses perjalanan tahliz secara berterusan yang melibatkan golongan yang memerlukan.

## **Sumbangan Untuk Iftar Jamaei dan Ihya' Ramadan**

Menyumbang dana ihya' Ramadan bagi menghidupkan bulan yang penuh keberkatan dengan aktiviti-aktiviti yang telah disusun apabila tibanya bulan ramadan yang mulia. Antara aktiviti-aktiviti tersebut adalah, tadarus Al-Quran, tazkirah ramadan, iftar jamaie, qiyamullail jamaie, moreh dan sahur sepanjang bulan.

## **Sumbangan Kepada Majlis Ilmu dan Ihya' Puasa Sunnah**

Menyediakan iftar bagi anak-anak tahliz yang terdiri daripada golongan anak-anak yatim, asnaf dan ibu bapa serta masyarakat luar yang juga terdiri dari golongan asnaf dan fakir dalam menyertai aktiviti majlis ilmu secara mingguan.

## **Program Kebajikan Guru dan Pelajar Bersama Masyarakat Luar**

- Sumbangan pek makanan dan barang dari dapur kepada golongan asnaf.
- Pemberian sumbangan secara berkala ketika Ramadan, Eidulfitri dan Eiduladha kepada golongan yang memerlukan.

## **Dana Wakaf Pembangunan**

Dana wakaf pembangunan untuk menaiktaraf dan meningkatkan kapasiti institusi bagi memberi peluang kepada lebih ramai penuntut yang dahagakan ilmu namun kurang berkemampuan.



# USRAH MINGGUAN



Usrah dan kelas dua kali seminggu bagi meningkatkan kemahiran guru dan kakitangan bukan akademik dalam menguasai ilmu tajwid.



# **MAKLUMAT PEMBAYARAN ZAKAT**

Bagi tujuan pembayaran zakat di atas, pembayaran zakat boleh dibuat secara tunai, pemindahan ke akaun bank atau melalui cek atas nama LEMBAGA ZAKAT SELANGOR. Pembayaran zakat boleh juga didepositkan terus ke akaun seperti butiran di bawah;

**Nama Penerima : Lembaga Zakat Selangor  
Bank : Maybank Berhad  
Nombor Akaun : 550511390256**

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila berhubung dengan Penolong Amil kami seperti di bawah:

- i) Ustaz Mohd Fadli Bin Mohd Nor : 013-277 5101
- ii) Ustaz Ahmad Bin Salleh : 013-238 0482

Bagi pembayaran infak pula, bayaran boleh dikreditkan ke akaun sekolah seperti di bawah;

**Nama Institusi : Maahad Tahfiz Integrasi Dar Al-Hikmah  
Bank : Affin Bank Berhad  
Nombor Akaun : 105300017368  
Nombor Telefon : 019-230 3123 - Kewangan**

Allah SWT berfirman;

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُرْزِكِيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ<sup>١٠٣</sup>

سَكِّنْ لَهُمْ وَإِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ<sup>١٠٤</sup>

“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”

(Surah At-Taubah: 103)

